

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Ogos 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri Pacific Super Protector?

Insurans Kemalangan Diri Pacific Super Protector memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM116.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
- Kematian akibat kemalangan – RM50,000 - Hilang upaya kekal – sehingga RM50,000 - Perbelanjaan perubatan setiap kemalangan – sehingga RM3,500 - Tunai harian hospital – RM75 sehari, sehingga 180 hari - Liabiliti diri – sehingga RM75,000 - Manfaat mingguan – RM50 seminggu, sehingga 52 minggu - Bayaran ambulans – sehingga RM1,000 - Elaun perkabungan – RM5,000 - Transfusi darah – RM5,000 - Manfaat kemasukan dan keluar hospital tanpa tunai – sehingga RM2,500 - Pembetulan gigi dan pembedahan pembetulan kosmetik – sehingga RM5,000 - Indemniti berganda – RM50,000 - Perbelanjaan pengebumian – sehingga RM5,000 - Manfaat penculikan – RM5,000 bagi perbelanjaan; RM25,000 bagi ganjaran - Prostesis/Kerusi roda – sehingga RM1,000 - Bonus pembaharuan – 10% setahun, sehingga 70% - Perbelanjaan repatriasi – sehingga RM5,000	- Risiko peperangan - Kecederaan diri yang disengajakan - Membunuh diri - Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit (Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan yang disebut secara khusus bawah Manfaat Perbelanjaan Perubatan, Manfaat Transfusi Darah dan Manfaat Elaun Perkabungan boleh dilindungi bawah keadaan khusus sebagaimana diperincikan di dalamnya) - HIV/AIDS - Melahirkan anak, keguguran dan kehamilan - Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi - Polis atau operasi tentera - Penerbangan atau sebarang aktiviti udara, selain sebagai penumpang yang mempunyai tiket sah dalam pesawat penerbangan biasa yang berlesen penuh - Pekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi - Semasa melakukan aktiviti jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat - Sukan profesional atau semi-profesional - Persembahan berisiko tinggi - Risiko nuklear <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Perlindungan tambahan sebanyak RM100,000 untuk manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal di bawah pelan untuk Kelas Pekerjaan 1 dan 2 (dengan premium tambahan sebanyak RM50)
- Manfaat Pilihan Boleh Diperbaharui sehingga Umur 85 Tahun

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Kemalangan Diri Pacific Super Protector ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM116.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM116.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028, dengan syarat premium kasar tahunan tidak melebihi RM150)
Komisen	25% daripada premium atau RM29.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM9.28

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Ia merupakan syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini bahawa tiada perlindungan akan diberikan melainkan premium penuh telah dibayar dan diterima oleh syarikat sebelum tarikh bermula/berkuatkuasa polisi ini atau pengendorsan yang disertakan atau pembaharuan seterusnya.
- Kelayakan – Pada tarikh kuat kuasa polisi ini:
 - (a) Orang yang Diinsuranskan dan Pasangan mestilah berumur antara 18 hingga 65 tahun, boleh diperbaharui sehingga 70 tahun.
 - (b) Anak mestilah berumur antara 1 bulan hingga 17 tahun.
- Had maksimum Jumlah Prinsipal Diinsuranskan untuk Anak:
 - (a) berumur antara 1 bulan hingga 12 tahun: RM50,000
 - (b) berumur antara 13 hingga 17 tahun: RM100,000
- Manfaat Mingguan tidak terpakai untuk suri rumah, anak-anak, pesara dan penganggur.
- Anda hendaklah dalam masa 30 hari selepas berlakunya kemalangan itu memberi notis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan butiran penuh tentang kemalangan dan kecederaan.
- Anda boleh menghubungi Pentadbir Pihak Ketiga (MiCare) kami yang beroperasi 24/7 untuk bantuan Surat Jaminan bagi Kemasukan Hospital Tanpa Tunai:
Talian Bantuan : 1800-88-7940
E-mel : callcenter@micaresvc.com
Laman Web : <https://eclaims.micaresvc.com/>

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Jika Pemegang Polisi memberi notis kepada syarikat untuk menamatkan polisi ini, penamatan demikian hendaklah berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis demikian, yang mana lebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh melewati tarikh penamatan polisi ini, kadar tempoh pendek syarikat hendaklah diguna pakai, tertakluk kepada premium minimum syarikat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans semasa.

Syarikat boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada Pemegang Polisi di alamat terakhirnya. Penamatan tersebut hendaklah bermula 7 hari berikutan tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh selepas tarikh penamatan polisi, premium pro-rata akan dikembalikan kepada Pemegang Polisi dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh insurans semasa.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

- (a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK
- (b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Ogos 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Manfaat Pilihan Boleh Diperbaharui hingga Umur 85 Tahun?

Manfaat Pilihan Boleh Diperbaharui hingga Umur 85 Tahun melanjutkan had umur Orang Yang Diinsuranskan bagi polisi ini dari umur 70 tahun hingga 85 tahun.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM29.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Manfaat Pilihan ini melindungi:	Manfaat Pilihan ini mengecualikan:
Manfaat Pilihan ini melanjutkan perlindungan hingga umur 85 tahun, dengan manfaat sama seperti pelan asas	Sebarang keadaan sedia ada <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Manfaat Pilihan Boleh Diperbaharui hingga Umur 85 Tahun ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Manfaat Pilihan	RM29.00 setahun jika anda memilih Pelan 1
Jumlah premium Manfaat Pilihan yang anda perlu bayar ialah	RM29.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	Tidak berkenaan
Komisen	25% daripada premium atau RM7.25 (termasuk dalam jumlah premium Manfaat Pilihan)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM2.32

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Ia merupakan syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini bahawa tiada perlindungan akan diberikan melainkan premium penuh telah dibayar dan diterima oleh syarikat sebelum tarikh bermula/berkuatkuasa polisi ini atau pengendorsan yang disertakan atau pembaharuan seterusnya.
- Bayaran tambahan tahunan sebanyak 25% dikenakan dan perlu dibayar ke atas pelan yang dipilih.
- Kelayakan:
 - (a) Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini, Orang yang Diinsuranskan mestilah berumur antara 71 hingga 85 tahun.
 - (b) Orang Yang Diinsuranskan mesti mengemukakan pengisytiharan kesihatan yang memuaskan dan laporan perubatan asas yang mengesahkan bahawa Orang Yang Diinsuranskan tidak menghadapi sebarang penyakit dan/atau keadaan sedia ada.
- Anda hendaklah dalam masa 30 hari selepas berlakunya kemalangan itu memberi notis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan butiran penuh tentang kemalangan dan kecederaan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan Manfaat Pilihan saya?

Pembatalan Manfaat Pilihan Boleh Diperbaharui hingga Umur 85 Tahun semasa tempoh insurans adalah tidak dibenarkan. Manfaat Pilihan hanya boleh dibatalkan sama ada pada waktu pembaharuan atau apabila keseluruhan polisi Insurans Kemalangan Diri Pacific Super Protector dibatalkan.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

1. Jadual Manfaat dan Premium

Pelan	Jumlah Prinsipal Diinsuranskan (RM)	Perbelanjaan Perubatan (setiap Kemalangan) (RM)	Tunai Harian Hospital (sehari) (RM)	Liabiliti Diri (RM)	Manfaat Mingguan (seminggu) (RM)	Premium Tahunan (RM)
UNTUK PEKERJAAN KELAS 1 & KELAS 2 SAHAJA						
1	50,000	3,500	75	75,000	-	86
1A	50,000	3,500	75	75,000	50	116
2	100,000	4,500	75	150,000	-	156
2A	100,000	4,500	75	150,000	75	196
3	150,000	5,500	75	225,000	-	206
3A	150,000	5,500	75	225,000	100	266
4	200,000	6,500	100	300,000	-	276
4A	200,000	6,500	100	300,000	125	346
5	300,000	7,500	100	450,000	-	386
5A	300,000	7,500	100	450,000	150	466
6	500,000	8,500	175	750,000	-	626
6A	500,000	8,500	175	750,000	250	806
7	750,000	9,500	175	1,125,000	-	886
7A	750,000	9,500	175	1,125,000	375	1,086
8	1,000,000	10,000	225	1,500,000	-	1,176
8A	1,000,000	10,000	225	1,500,000	500	1,426
UNTUK PEKERJAAN KELAS 3 SAHAJA						
9	50,000	3,500	75	75,000	-	143
9A	50,000	3,500	75	75,000	50	178
10	100,000	4,500	75	150,000	-	243
10A	100,000	4,500	75	150,000	50	278
11	150,000	5,500	75	225,000	-	353
11A	150,000	5,500	75	225,000	50	388
12	200,000	6,500	100	300,000	-	483
12A	200,000	6,500	100	300,000	75	538
13	300,000	7,500	100	450,000	-	733
13A	300,000	7,500	100	450,000	75	788

Nota: Premium tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan.

2. Klasifikasi Pekerjaan

Kelas 1	Pekerjaan bukan tenaga buruh, yang melibatkan pengurusan atau pekerjaan yang hanya di pejabat sahaja atau di tempat yang tidak berbahaya.
Kelas 2	Pekerjaan yang melibatkan kerja-kerja penyeliaan atau di luar pejabat untuk tujuan perniagaan, tetapi tidak terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan tenaga buruh.
Kelas 3	Pekerjaan yang kadangkala atau biasa menggunakan tenaga buruh untuk kerja-kerja yang tidak berbahaya tetapi terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan peralatan dan mesin (tidak menggunakan mesin pertukangan kayu).